

18/08/2003

Antara rasuah dan pelacur

Dr Azam Rauzan

MANUSIA mempunyai emosi. Emosi adalah ciri istimewa manusia yang membezakannya dengan makhluk lain. Salah satunya ialah nafsu. Kerana nafsulah manusia boleh terjebak dalam pelbagai skandal, jenayah, kesalahan moral, rasuah, video lucah, politik wang dan sebagainya. Dalam Islam, nafsu boleh dibahagikan kepada tiga iaitu nafsu ammarah, lawwamah dan mutmainnah. Tahap nafsu adalah tahap emosi kita.

Apabila kita memiliki emosi ammarah, maka emosi kita penuh dengan perasaan dengki, haloba dan materialistik. Kita menjadi lupa diri. Kita biasanya ingin hidup melebihi kemampuan sara hidup kita. Emosi lawwamah menyebabkan kita berubah-ubah perasaan. Kadang-kadang kita suka melakukan kebajikan seperti bersolat sunat, berpuasa sunat dan bersedekah, menolong orang lain. Kadang-kadang kita malas melakukannya.

Emosi mutmainnah adalah perasaan tenang, tetap tegas dan istiqamah dengan kebaikan dan kebajikan. Solat, puasa dan nilai hidup suci serta murni dilakukan dengan tetap dan sempurna. Kerana itu, umumnya dalam kehidupan kita seharian, kita sebenarnya bermain dengan emosi kurang baik. Bercampur antara dengki dan cinta, sayang dan benci, tamak dan pemurah, cemburu dan hasad serta kasih dan dendam.

Penulis sengaja membawa kisah mengenai emosi dan nafsu kerana ia berkait rapat dengan perangai manusia terhadap jenayah yang paling keji sekali dalam kehidupan kita seharian iaitu rasuah atau korupsi.

Rasuah berlaku di mana-mana ceruk dunia. Rasuah adalah penyakit masyarakat. Rasuah adalah masalah segenap pemimpin dan rakyat. Semua orang tahu rasuah boleh menghancurkan tamadun dan bangsa. Rasuah boleh membuat sebuah negara dijajah semula. Peristiwa kejatuhan negeri-negeri Melayu ke tangan British mungkin contoh agak keterlaluan untuk membuktikan kesan rasuah.

Semua kita tahu rasuah itu jijik dan keji di sisi Islam. Namun persoalannya, mengapa ia masih berleluasa terutama di kalangan orang Melayu/Islam? Bolehkah kita mencapai masyarakat dan kerajaan 'rasuah sifar'? Benarkah Malaysia berada pada landasan yang betul dalam cara kita menangani gejala rasuah baik pada peringkat kerajaan mahupun swasta?

Nampaknya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, meletakkan soal rasuah sebagai satu daripada agenda negara dengan menyifatkannya berada pada tahap membimbangkan. Beliau yang sudah berkali-kali menekankan usaha membendung gejala rasuah ini, mengulangnya minggu lalu di Kuching, ketika merasmikan Konvensyen Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) 2003.

Mengikut laporan, sebuah badan bukan kerajaan antarabangsa, Transparency International menyenaraikan Malaysia di tangga ke-33 daripada 141 negara dalam indeks persepsi rasuah tahun lalu. Dari segi angka, kedudukan itu nampaknya semakin baik. Tetapi, kita tidak tahu sama ada dari segi hakikatnya apakah gejala itu semakin dapat dibendung atau sebaliknya.

Daripada kenyataan Pak Lah, seramai 1,342 orang telah ditangkap kerana terbabit dengan pelbagai kesalahan rasuah sepanjang 1998 sehingga akhir tahun lalu. Kita berharap angka ini, bukan tips of the iceberg kerana jika itu keadaannya, ia memang amat membimbangkan. Kalau itu yang berlaku, sesuatu perlu dibuat supaya gejala ini tidak menular lebih luas.

Dalam perbualan bersama beberapa rakan daripada pelbagai bidang iktisas, rata-rata mereka beranggapan sudah sampai masanya penyakit sosial yang merentasi sempadan kaum ini digempur. Ia tidak boleh menjadi agenda

hangat-hangat tahi ayam seperti yang biasa berlaku.

Kata mereka, Dr Mahathir dan Pak Lah tidak mampu melakukan usaha ini secara bersendirian. Pucuk pimpinan perlu sokongan daripada segenap sektor bagi memerangi gejala rasuah.

Sama ada Kabinet, jentera pentadbiran kerajaan, barisan kepimpinan politik, dunia perniagaan dan keusahawanan, semuanya perlu menghapuskan budaya buruk ini. Jika tidak, usaha memerangi rasuah akan berterusan sekadar menjadi halwa telinga. Keadaan ini sukar untuk mengubah persepsi, apatah lagi mengubah keyakinan dan pandangan masyarakat luar dan rakyat negara ini sendiri.

Seorang rakan pernah berhujah kalaulah rasuah adalah penyakit masyarakat yang memang tidak boleh dihapuskan maka rasuah bolehlah disamakan dengan pelacuran. Seperti pelacuran, rasuah bukanlah penyakit baru. Ia penyakit lama yang dikenal sebagai sebahagian daripada sistem nilai dan kehidupan kita seharian. Kita tidak boleh menghapuskan pelacuran kerana ia berkaitan dengan nafsu.

Penghapusan rasuah bergantung kepada kejujuran. Bagaimanapun, kesan rasuah boleh dikurangkan jika ia tidak sampai kepada dua peringkat kritikal.

Peringkat kritikal pertama ialah ketika rasuah masih dirahsiakan, tetapi hubungan sudah wujud di antara pegawai yang rendah dengan yang tinggi. Pada peringkat ini pegawai rendah yang menerima rasuah yang kemudian dibahagikan di antaranya dan pegawai atasan ataupun sebaliknya. Apabila ini berlaku, tiap-tiap pegawai akan mempertahankan antara satu sama lain. Rasuah telah menjadi satu sistem dan budaya.

Peringkat kritikal kedua ialah dalam amalan rasuah wujud apabila rasuah tidak lagi disembunyikan dan diterima sebagai perkara biasa oleh masyarakat. Contoh paling ketara ialah politik wang. Dalam keadaan rasuah menjadi amalan terbuka dan pada hakikatnya tidak lagi 'haram', kesannya pada negara amatlah buruk.

Maka, teguran demi teguran oleh Pak Lah, termasuk dalam bait-bait sajak beliau, Ku Cari Damai Abadi, menjadi satu komitmen bakal Perdana Menteri itu dalam memegang tampuk pentadbiran negara ini kelak.

Sesungguhnya, sama ada beliau berjaya melakukannya terletak di bahu keseluruhan pemimpin di kelilingnya serta rakyat jelata keseluruhannya. Bukankah pepatah Inggeris, Power corrupts and absolute power corrupts absolutely yang bermaksud kuasa seorang pengundi mungkin menjadi kuasa muktamad dan kuasa yang muktamad ini mendorong kepada korupsi. Rasuah yang menghalang penghapusan rasuah adalah rasuah terburuk sekali.